

Johor Bahru

## IPU Batu Pahat catat tak sihat

Daerah Batu Pahat dikesan mencatatkan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat berdasarkan kepekatan partikel halus setakat 9 pagi semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar negeri, Tan Chen Choon berkata, IPU di Batu Pahat mencatatkan bacaan tidak sihat IPU 102.

Katanya, pihaknya juga mendapati Japan stesen pencerpahan kualiti udara di lain-lain tempat juga menunjukkan keadaan IPU meningkat.

"Justeru saya menyeru kepada penduduk Johor sentiasa berhati-hati dengan memakai penutup mulut dan hidung bagi mengelak kesihatan terjejas atau sesak nafas," katanya pada Operasi Pembersihan Sampah Haram di Taman Legenda Putra, Kulai semalam.

Johor Bahru

## Keluar arahan tutup sekolah dua hari

Dua sekolah berhampiran hutan yang terbakar di Jalan Tanjung Kupang, Kampung Pekajang, Gelang Patah ditutup dua hari bermula semalam hingga hari ini.

Arahan itu membatalkan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tanjung Adang dan Sekolah Kebangsaan (SK) Tanjung Adang yang mana kedudukan kedua-dua sekolah itu begitu hampir dengan lokasi kejadian kebakaran hutan yang berlaku sejak Rabu lalu.

Timbalan Pengarah Pendidikan (Pengurusan Sekolah) Negeri Johor, Ab Rahim Lamin berkata, penutupan sekolah berkenaan adalah bagi memastikan tahap kesihatan pelajar tidak terjejas kerana terdedah dengan udara tercemar.

Beliau berkata, pengisytiharan cuti berkenaan akan diklasifikasikan sebagai isu bencana.

Mohd Sabran Md Sani dan  
Izlialy Nurul Ain Hussein  
am@hmetro.com.my

Iktandar Puteri

**P**rihatin dengan kebakaran yang memasuki hari keenam menyebabkan Pemangku Raja, Tunku Ismail Sultan Ibrahim turun padang bagi meninjau kebakaran hutan di Jalan Tanjung Kupang, Kampung Pekajang di sini.

Tunku Ismail yang juga Tunku Mahkota Johor diberikan taklimat berhubung perkembangan terkini operasi pemadaman api berkenaan oleh Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Johor, Datuk Yahaya Madis.

Tunku Ismail turut membuat lawatan ke Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tanjung Adang yang menempatkan kira-kira 200 pelajar sekolah dan terletak berhampiran dengan kawasan kebakaran.

Pada lawatan itu, Tunku Ismail turut menitahkan supaya sekolah itu ditutup sementara demi kesihatan pelajar.

Untuk rekod, kebakaran hutan itu sudah merebak sehingga seluas 98 hektar dipercayai akibat cuaca panas dan kering negeri ini. Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan,



## HUTAN 16 HEKTAR TERBAKAR

# Api makin marak

■ Kebakaran sudah merebak sehingga seluas 98 hektar

Komunikasi dan Multimedia, Dzulkefly Ahmad yang turut mengiringi Tunku Ismail dalam lawatan itu berkata, keadaan terkini kualiti udara mencatatkan bacaan 63 kselmarin dan 81 semalam.

Dzulkefly berkata,

kebakaran masih kekal meliputi kawasan 16 hektar dengan 60 peratus sudah berjaya dipadamkan.

"Kerja-kerja mengorek fire breaker yang berbentuk parit untuk diisi air bagi mengelakkan kawasan kebakaran merebak hampir

selesai.

"Kawasan kebakaran itu sudah dikepung dengan parit fire breaker itu, jadi penduduk tidak perlu risau atau bimbang," katanya.

Beliau berkata, strategi pemadaman kini adalah untuk memadam api di atas dan di bawah tanah berikutan tanah hutan itu adalah tanah gambut.

"Dua pam air tambahan sudah diterima daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) malam kelmarin dari Batu Pahat," katanya.

Pemangku Raja Johor Tunku Ismail Sultan Ibrahim berkenan berangkat meninjau lokasi kebakaran hutan di Jalan Tanjung Kupang, Kampung Pekajang, Gelang

Patah dekat sini, hari ini.

Tunku Ismail yang juga Tunku Mahkota Johor diberikan taklimat perkembangan terkini operasi pemadaman api yang membatalkan kekuatan lebih 70 pegawai dan anggota oleh Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Johor Datuk Yahaya Madis.

Menerusi catatan dan beberapa gambar yang dimuat naik dalam laman Facebook rasmi Tunku Ismail, HRH Crown Prince of Johor, baginda turut melakukan lawatan ke Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tanjung Adang yang mempunyai seramai 200 pelajar, di mana sekolah itu terletak

